

## **Jemaah Masjid Terima SOP Masjid Norma Baharu**

Oleh: Nor Faezzah Kahar (1180194)

November 30 @ 12:00 pm



*Jemaah menunaikan solat jumaat di Masjid Inabah Kamal.*

*Sumber Foto: Nor Faezzah Kahar*

SEMPORNA: Jemaah masjid akur semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk pelaksanaan solat Jumaat serta solat fardhu lima waktu dalam kawasan semporna dibenarkan namun perlu mengikut semua Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diperketatkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Imam Masjid Inabah Kamal, Muhaimin Mobin, 42, berkata, pelaksanaan solat berjemaah dibenarkan dengan kehadiran seramai 40 jemaah mengikut keadaan dan situasi semasa di dalam ruangan masjid.

Katanya lagi, "solat berjemaah dibenarkan dengan syarat jemaah masjid perlu memastikan semua SOP dipatuhi termasuk memakai pelitup muka, menggunakan cecair pembasmi kuman, mengambil suhu dan merekodkan kehadiran serta membawa sejadah sendiri mengikut pekeliling yang telah dikeluarkan kepada pengerusi masjid Inabah".

Tambahnya lagi, "untuk solat fardhu tidak menjadi masalah kerana jemaah tidak terlalu ramai, namun pelaksanaan solat jumaat telah dihadkan mengikut keluasan ruang solat dan ruang yang bersesuaian dalam kawasan masjid dengan mengambil kira penjarakkan fizikal sekurang-kurangnya satu meter".



*Keadaan jemaah dalam ruangan masjid mengikut SOP.*

*Sumber Foto: Nor Faezzah Kahar*

Ahli Jawatankuasa Masjid, Ahmad Jul Jailani, 34, berkata, “ walaupun dengan SOP, kebenaran solat jemaah di masjid kini lebih baik dari tidak sama sekali seperti di awal PKP dahulu yang pintu pagarnya dikunci”.

Beliau sebagai jawatankuasa masjid sekaligus jemaah tetap yang sering menghadiri program masjid Inabah setiap hari menceritakan pengalamannya apabila mendapat notis penangguhan aktiviti masjid serta menutup pintu masuk masjid kepada jemaah dan orang awam pada awal PKP dilaksanakan.

Ulasnya lagi, “kebenaran untuk melaksanakan ibadah solat jumaat dan fardhu berjemaah yang telah dilonggarkan walau tertakluk kepada SOP ini diterima baik oleh semua jemaah masjid. Justeru itu, jemaah diminta tetap patuh SOP serta terus akur arahan pemberitahuan pelaksanaan aktiviti di masjid yang tidak menentu kerana mengikut situasi semasa dan notis dari pihak berkuasa”.

“Selain itu, pihak berkuasa seperti anggota polis dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) juga turut bertugas melakukan rondaan di masjid Inabah serta bekerjasama dengan pihak masjid agar segera melaporkan sekiranya ada jemaah yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan”, sambungnya lagi.

Situasi ini memberi norma baharu kepada jemaah masjid, namun demikian jemaah serta orang awam diseru agar sentiasa mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negeri (MKN) dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19.

